



Jom Sertai
**AGIHAN DAGING
KEPADA ASNAF**

**MELALUI KORBAN, AQIQAH &
SUMBANGAN SEMPENA AIDILADHA**



BERSAMA BERSEDEKAH DI
ASNAFCARE
asnafcare.com.my

**SEEKOR
LEMBU
(Gred A)**

RM6,000

**SATU
BAHAGIAN
LEMBU**

RM850

**SEEKOR
KAMBING**

RM1,000

**1 KG DAGING
LEMBU
(Sumbangan)**

RM40



Untuk Maklumat Lanjut
+6019 596 2155 Divisyen Agihan

Tarikh Tutup Penyertaan
2 JUN 2024



Zakat Kedah

**APLIKASI
Zakat on Touch**
MUDAH & TELUS!



MUAT- TURUN SEKARANG
Download on the
App Store | Google play

F.A.Q IBADAH QURBAN MELALUI ASNAF CARE LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

1- Apakah maksud ibadah korban (udhhiyyah)?

Maksud ibadah korban (udhhiyyah) ialah binatang ternakan yang disembelih untuk mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala pada Hari Raya haji dan tiga hari Tasyri' (10,11,12 dan 13 Zulhijjah).

2- Berapakah umur binatang yang sah dijadikan korban?

Secara ringkasnya disenaraikan binatang korban dan umurnya seperti berikut: Unta 5 tahun, lembu 2 tahun, kerbau 2 tahun, kambing 2 tahun dan biri-biri setahun atau telah gugur gigi hadapannya sesudah ia berumur enam bulan. Haiwan tersebut mestilah sihat dan tidak cacat.

3- Apakah hukum ibadah korban?

Sunat muakkadah (sunat yang sangat dituntut).

4- Apakah fadhilat melaksanakan ibadah korban?

- Penebus dosa kecuali dosa besar.
- Mendapat hasanah (kebajikan) bagi setiap bulu binatang korban.
- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah Ta'ala.
- Membentuk peribadi ikhlas, sabar, qana'ah (bersyukur), belas kasihan dan tolong menolong.

5- Siapakah yang dikatakan golongan yang mampu melakukan ibadah korban?

Mereka yang mempunyai lebih harta sebanyak nilai harga binatang korban daripada keperluannya dan keperluan orang yang di bawah tanggungannya pada hari raya dan hari-hari Tasyri'.

6- Apakah hukum orang mampu tetapi tidak mahu melaksanakan ibadah korban?

Makruh.

7- Bolehkah seekor binatang dikongsi oleh 2 atau lebih orang yang berkorban?

Kambing untuk seorang sahaja. Unta, kerbau dan lembu boleh dikongsi oleh 7 orang walaupun berlainan niat.

8- Bolehkah melakukan ibadah korban di negeri lain?

Dibolehkan selagi mana syarat dan kaedah pelaksanaannya diyakini tepat.

9- Bagaimana cara pembahagian daging korban sunat?

Harus dibahagikan kepada 3 bahagian :

- 1/3 : pihak yang berkorban dan ahli keluarganya
- 1/3 : asnaf fakir dan miskin
- 1/3 : sahabat handai termasuk orang kaya atau jiran-jiran

Tetapi yang afdhalnya ialah disedekahkan kesemuanya kepada orang yang layak atau diserahkan kepada LZNK untuk menguruskannya.

10- Apakah hukum melaksanakan ibadah korban bagi pihak orang lain?

- Tidak boleh bagi orang yang masih hidup kecuali dengan izinnya.
- Tidak boleh bagi orang yang meninggal dunia kecuali ada wasiat.

11. Bagaimana lafaz niat ibadah korban?

“Sahaja aku melakukan ibadah korban sunat/ wajib/ nazar kerana Allah Taala”

12- Adakah boleh berwakil kepada wakil kedua untuk melaksanakan ibadah korban dan bagaimana cara berwakil?

Boleh, peserta berkata kepada wakilnya: “Saya wakulkan kepada tuan (LZNK) untuk menguruskan pembelian dan penyembelihan korban sunat/wajib/nazar saya kerana Allah Taala”.

13- Berapakah harga korban, aqiqah dan sumbangan yang diuruskan di LZNK?

Berikut merupakan harga dan kos yang telah ditetapkan di LZNK :

- Seekor lembu : RM 6,000.00
- Seekor Kambing : RM 1,000.00
- 1 Bahagian lembu : RM 850.00
- 1 kilo daging : RM 40.00 (sumbangan)

14- Difahamkan LZNK turut membuka peluang untuk orang ramai menyumbang daging kepada asnaf?

Ya, LZNK turut membuka peluang menyumbang serendah RM 40.00 bagi 1 kilogram daging.

15- Bagaimanakah cara penyertaan dan pembayaran dibuat?

Sila layari laman web kami di <https://asnafcare.com.my/campaign-aqiqah-qurban.html>

**F.A.Q IBADAH AQIQAH
MELALUI ASNAF CARE LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH**

1- Apakah yang dimaksudkan dengan aqiqah?

Dari segi syara' : Binatang yang disembelih ketika pada hari mencukur rambut bayi. Rasulullah SAW bersabda "setiap anak yang lahir itu terpelihara dengan aqiqahnya yang disembelih untuknya pada hari ke-7 (daripada hari kelahirannya), dicukur rambutnya dan diberi nama" Hadis riwayat Abu Daud, At Tarmizi dan Ibnu Majah.

2- Kenapa kita perlu laksanakan aqiqah?

Sebagai tanda ibu bapa mensyukuri nikmat apabila mendapat anak dan ianya juga merupakan sunnah nabi. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud "bayi tergadai dengan aqiqahnya." Hadis riwayat At-Tarmizi.

3- Siapakah yang perlu melaksanakan ibadah aqiqah?

Bagi suami dan isteri yang dikurniakan anak.

4- Apakah hukum aqiqah?

Sunat muakad iaitu amalan sunat yang sangat-sangat dituntut.

5- Berapakah jumlah aqiqah untuk anak lelaki dan perempuan?

Disunatkan bagi anak lelaki aqiqahnya adalah 2 ekor kambing. Manakala bagi anak perempuan adalah seekor kambing.

6- Bilakah waktu yang terbaik untuk laksanakan aqiqah?

Sebaiknya dilaksanakan pada hari ke tujuh mengikut sunnah Rasulullah atau 14 atau 21 atau selagi dia belum baligh.

7- Sekiranya ibu bapa saya tidak mampu laksanakan aqiqah untuk saya dahulu, bolehkah saya sendiri yang laksanakan aqiqah untuk diri saya?

Dibolehkan. Kerana Rasulullah SAW sendiri pernah melaksanakan aqiqah untuk dirinya selepas baginda diangkat menjadi rasul.

8- Adakah memadai hanya niat aqiqah ketika membuat bayaran melalui online sahaja?

Dibolehkan. Dikira sah kerana syarat mewakilkan ke LZNK jelas dinyatakan dengan dokumen dan bukti bayaran yang dibuat. Disunatkan juga untuk hadir ketika sembelihan dilaksanakan.

**F.A.Q PENGURUSAN KORBAN, AQIQAH DAN SUMBANGAN
MELALUI ASNAFCARE LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH**

1- Dimanakah pihak LZNK akan melaksanakan ibadah ini?

LZNK akan melaksanakan ibadah korban, aqiqah dan sumbangan daging ini kepada asnaf fakir dan miskin dalam negeri Kedah mengikut jumlah terimaan yang diperolehi.

2- Berapakah harga untuk menyertai korban, aqiqah dan sumbangan daging di LZNK?

Berikut merupakan harga dan termasuk kos yang telah ditetapkan di LZNK :

- Seekor lembu : RM 6,000.00
- Seekor kambing : RM 1,000.00
- 1 Bahagian lembu : RM 850.00
- 1 kilo daging : RM 40.00 (sumbangan)

3- Bagaimanakah cara penyertaan dan pembayaran dibuat?

Sila layari laman web kami di <https://asnafcare.com.my/campaign-aqiqah-qurban.html>

4- Bagaimana untuk menghubungi pihak LZNK jika terdapat sebarang pertanyaan?

Sila hubungi atau whatsapp di talian 019-596 2155 atau 04-731 1740 (Divisyen Agihan, LZNK).

5- Bagaimana cara bayaran dibuat?

Terdapat 2 kaedah bayaran iaitu melalui kaedah online banking di web <https://asnafcare.com.my/campaign-aqiqah-qurban.html> atau terus ke mana-mana kaunter cawangan LZNK.

6- Adakah resit rasmi akan dibuat sebagai bukti bayaran?

Ya. Pihak LZNK akan menyediakan resit sebagai bukti bayaran dibuat.

7- Adakah para peserta akan mendapat sijil?

Ya. LZNK akan menyediakan secara e-sijil dan akan dihantar melalui emel peserta.

8- Bilakah tarikh akhir penyertaan ini dibuka?

Pada 02 Jun 2024.

**LZNK**

LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

**BORANG WAKALAH
PENYERTAAN IBADAH KORBAN,
AQIQAH & SUMBANGAN DAGING
TAHUN 1445H/2024M**

HARGA
Satu bahagian lembu RM 850.00
Seekor lembu RM 6,000.00
Seekor kambing RM 1.000.00

MAKLUMAT PESERTA

Nama Peserta			
No. I/C		No.Tel	
Alamat/Jabatan			

AKAD WAKALAH

Saya dengan ini bersetuju mewakili kepada **Lembaga Zakat Negeri Kedah** untuk menguruskan ibadah korban/aqiqah/sumbangan daging dan saya bersetuju baki wang penyertaan digunakan untuk urusan yang berkaitan dengan ibadah ini untuk saya atau/dan tanggungan saya kerana Allah SWT seperti butiran di bawah.

MAKLUMAT PENYERTAAN <i>[Sila tanda ✓ yang berkaitan sahaja]</i>	Jenis Penyertaan			Jumlah bahagian	Jumlah (RM)
	Korban	Aqiqah	Sumbangan		
<input type="checkbox"/> Diri saya sendiri					
<input type="checkbox"/> Tanggungan saya seperti berikut: <i>(sila tulis nama dengan huruf besar)</i>					
1					
2					
3					
4					
5					
6					
7					
JUMLAH KESELURUHAN					

Saya bersetuju untuk sedekah/hadiah semua daging.

Tandatangan

Tarikh

KAEDAH PEMBAYARAN

- Pembayaran secara tunai di kaunter Pejabat Zakat Daerah
- Pembayaran secara online di laman sesawang

<https://asnafcare.com.my/campaign-aqiqah-qurban.html>

MAKLUMAN PENTING

- Sembelihan Korban akan dilaksanakan pada hari raya Aidiladha ke 2,3 dan 4. (tertakluk kepada perubahan)
- Agihan daging kepada asnaf selepas proses penyembelihan.
- Kehadiran tuan/puan menyaksikan sembelihan binatang qurban adalah sunat menurut hukum syarak.

Maklumat lanjut, sila hubungi

- LZNK (047331740) samb (172)
- Divisyen Agihan (0195962155)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Diterima oleh :
(Cop & Tandatangan)

Tarikh :